


# Mahasiswa Tahun 4 Diraikan Dalam Majlis Pra-Konvo PPK Sistem Elektrik (PERKASE)

Oleh: Persatuan PPK Sistem Elektrik (PERKASE)



Pada 12 hingga 13 April yang lalu, Persatuan Pelajar Kejuruteraan Sistem Elektrik (PERKASE) telah menganjurkan majlis meraikan pelajar-pelajar tahun akhir (pra-konvo) ijazah PPK Sistem Elektrik. Majlis ini diadakan selama 2 hari 1 malam di Tasoh Lake Resort and Retreat dimana telah berlangsungnya pelbagai aktiviti termasuk sukaneka, majlis makan malam dan aktiviti kayak. Majlis ini telah dirasmikan oleh dekan PPK Sistem Elektrik, Profesor Dr Ismail Bin Daut. Turut hadir memeriahkan majlis ini adalah timbalan dekan, pengerusi rancangan, pensyarah, pegawai latihan vokasional, dan staf-staf sokongan PPK

Sistem Elektrik.

Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk meraikan pelajar-pelajar tahun 4 yang akan bergraduasi pada tahun 2010. Majlis ini juga dapat mengeratkan hubungan dikalangan para pelajar serta tenaga pengajar dan staf-staf PPK Sistem Elektrik. Selain itu, para pelajar juga dapat bertukar-tukar pendapat dan perkongsian pengalaman dengan tenaga pengajar dan staf. Hal ini dapat meningkatkan semangat dan memberi dorongan kepada para pelajar dalam menghadapi cabaran di alam pekerjaan apabila bergraduasi kelak.